

PERATURAN DAN PANDUAN PENGURUSAN DIRI MRSM MUAR

1. PERATURAN PAKAIAN BAGI PELAJAR PUTERA UNTUK SETIAP AKTIVITI MAKTAB.

Pakaian mestilah kemas dan bersih sentiasa.

1.1. Waktu Kelas Akademik.

1.1.1. Pakaian seragam maktab, berkasut, berstokin melepasi buku lali dan memakai tanda nama serta bertali leher. Rambut mestilah sentiasa pendek dan kemas.

1.1.2. Pakaian Seragam Maktab.

1.1.2.1. Baju kemeja berkolar sama ada berlengan panjang atau pendek.

1.1.2.2. Baju kemeja lengan panjang hendaklah di pergelangan tangan dan tidak dibenarkan dilipat.

1.1.2.3. Baju kemeja hendaklah disisipkan.

1.1.2.4. Baju kemeja potongan bulat (dasar sisi serong) adalah tidak dibenarkan.

1.1.2.5. Walaubagaimanapun kemeja bagi pakaian seragam maktab adalah dibenarkan dengan syarat mesti disisipkan.

1.1.2.6. Pemakaian semua jenis jaket tidak dibenarkan ke kelas. Baju panas (sweater) dibenarkan dalam keadaan tertentu sahaja.

1.1.2.7. Kombinasi warna adalah biru dan biru tua, "beige" dan coklat tua

1.1.2.8. Songkok hitam atau biru gelap sahaja dibenarkan.

1.1.2.9. Kombinasi "beige" dan coklat tua adalah untuk perhimpunan rasmi.

1.1.3. Tali leher.

1.1.3.1. Mesti dipakai setiap hari persekolahan kecuali hari Rabu bagi aktiviti Badan Beruniform.

1.1.3.2. Tali leher rasmi MRSM **wajib** dipakai semasa upacara rasmi maktab dan hari persekolahan.

1.1.4. Seluar.

1.1.4.1. Kain seluar yang dibenarkan ialah yang selain daripada jenis kain denim, PVC, *corduroy* atau kulit.

1.1.4.2. Pemakaian semua jenis "*jeans*" tidak dibenarkan dan "*cotton slack*" tidak dibenarkan.

1.1.4.3. Fesyen seluar hendaklah tidak terlalu longgar (*baggy*) atau terlalu ketat (*slim fit*).

1.1.4.4. Paras kaki seluar hendaklah melepasi bawah buku lali dan ukur lilit kaki seluar di antara 35cm-45cm.

1.1.5. Tali Pinggang.

1.1.5.1. Lebar tali pinggang hendaklah di antara 2.5 cm – 3.0 cm dan berwarna gelap (hitam atau coklat tua). Tali pinggang yang berwarna-warni dan berbelang tidak dibenarkan.

1.1.5.2. Kepala tali pinggang hendaklah tidak terlalu besar dan tidak mempunyai lambang-lambang yang tidak bermoral.

1.1.6. Kasut dan Stokin.

1.1.6.1. Hanya kasut kulit/PVC berwarna hitam dan bertali sahaja dibenarkan.

1.1.6.2. Kasut sukan, selipar, sandal, “boot”, dan “semiboot” tidak dibenarkan.

1.1.6.3. Wajib berstokin dan panjang stokin hendaklah melebihi buku lali.

1.1.6.4. Warna stokin hendaklah yang berwarna putih atau gelap.

1.1.7. Tanda Nama

1.1.7.1. Tanda nama hendaklah sentiasa dipakai semasa ke kelas akademik dan upacara rasmi maktab.

1.1.7.2. Pelajar-pelajar ahli Badan Kepimpinan Pelajar dibenarkan memakai tanda nama khas.

1.2. Perhimpunan atau Upacara Rasmi.

1.2.1. Pakaian rasmi maktab (kemeja “beige” dan seluar coklat).

1.2.2. Baju melayu lengkap untuk upacara keagamaan.

1.2.3. Pakaian seragam maktab lengkap.

1.2.4. Berkasut dan stokin.

1.3. Badan Kepimpinan Pelajar.

Pakaian yang ditetapkan oleh pihak maktab.

1.4. Pendidikan Jasmani.

1.4.1. “Track Bottom” warna biru gelap atau hitam dan baju T putih berkolar atau baju rumah sukan.

1.4.2. Kasut yang dibenarkan ialah jenis kanvas putih atau “track shoes” dan berstokin.

1.5. Kelab dan Persatuan.

Pakaian sukan atau pakaian ke kelas persediaan.

1.6. Keluar Bandar.

Baju batik maktab dengan seluar hitam atau pakaian seragam atau baju T *outing* rasmi maktab.

1.7. Berkelah.

Baju T berkolah, berkasut atau memakai sandal bertali.

1.8. Kerja Luar (Field Work).

Pakaian yang ditetapkan oleh Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar.

1.9. Kelas Persediaan / Hari Cuti / Lawatan.

1.9.1. Pakaian seragam.

1.9.2. Pakaian formal.

1.9.3. Baju T Berkolar dan disisipkan.

1.9.4. Berkasut atau sandal bertali.

1.10. Majlis Jamuan Rasmi Dalam dan Luar Maktab.

Pakaian seragam atau batik Maktab.

1.11. Badan Beruniform.

Pakaian seragam atau yang ditetapkan oleh Timbalan Pengetua Pembangunan Bakat.

1.12. Lawatan.

Seperti ke kelas akademik, baju batik maktab, baju T *outing* rasmi maktab atau sebagaimana yang diluluskan oleh Timbalan Pengetua.

1.13. Balik Ke Rumah Dan Pulang Semula Ke Maktab.

Baju T *outing* rasmi maktab, pakaian seragam maktab atau batik maktab.

1.14. Pakaian Ke Dewan Selera.

1.14.1. Hari Persekolahan.

Pakaian seperti ke kelas.

1.14.2. **Makan Malam Dan Hari Cuti.**

1.14.2.1. Baju T berkolar dan disisipkan.

1.14.2.2. Baju Melayu / Kebangsaan.

1.14.2.3. Berkasut atau sandal bertali.

2. PERATURAN PAKAIAN BAGI PELAJAR PUTERI UNTUK SETIAP AKTIVITI MAKTAB.

Pakaian mestilah kemas dan bersih sentiasa.

2.1. **Waktu Kelas Akademik.**

2.1.1. Pakaian seragam maktab, berkasut, berstokin putih atau gelap dan memakai tanda nama.

2.1.2. **Baju dan Kain.**

2.1.2.1. Jenis baju yang dibenarkan ialah baju kurung.

2.1.2.2. Baju dan kain hendaklah tidak ketat dan tidak jarang.

2.1.2.3. Kain “petticoat” adalah diwajibkan.

2.1.2.4. Pelajar bukan Islam digalakkan memakai baju kurung dan dibenarkan memakai blaus berlengan panjang serta skirt labuh melebihi paras lutut.

2.1.3. **Kain Tudung.**

2.1.3.1. Pemakaian tudung diwajibkan.

2.1.3.2. Hanya kain tudung berwarna putih dan tiada sulaman sahaja yang dibenarkan dan hendaklah tidak melebihi paras pinggang.

2.1.3.3. Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan, tidak jarang, tidak bercorak dan menutupi dada.

2.1.4. **Kasut.**

2.1.4.1. Kasut kulit/PVC berwarna hitam sahaja dibenarkan.

2.1.4.2. Ketinggian tumit tidak melebihi 2.5 cm.

2.1.4.3. Kasut berfesyen dan berwarna-warni tidak dibenarkan.

2.2. **Perhimpunan atau Upacara Rasmi.**

2.2.1. Pakaian rasmi maktab (baju kurung “beige” dan kain kurung coklat).

2.2.2. Pakaian seragam maktab lengkap.

2.2.3. Berkasut dan stokin.

- 2.3. **Badan Kepimpinan Pelajar.**
Pakaian yang ditetapkan oleh pihak maktab.
- 2.4. **Pendidikan Jasmani / Sukan.**
Kemeja T putih berkolar atau baju rumah sukan yang berlungan panjang dengan “track bottom” berwarna biru gelap / hitam, kasut kanvas putih serta berstokin dan tudung berwarna hitam .
- 2.5. **Riadah.**
Berpakaian sukan.
- 2.6. **Kelab, Persatuan atau Badan Beruniform.**
Pakaian seragam atau pakaian ke kelas persediaan.
- 2.7. **Keluar Bandar.**
Pakaian seragam maktab atau baju batik maktab atau kemeja T *outing* rasmi maktab.
- 2.8. **Berkelah.**
Baju T berkolar atau ‘blouse’ berlungan panjang yang tidak mencolok mata dengan berseluar panjang atau ‘track bottom’ dan berkasut atau sebagaimana yang diluluskan oleh pengurusan maktab.
- 2.9. **Kerja Luar (Field Work).**
Pakaian yang diluluskan oleh pengurusan maktab.
- 2.10. **Majlis Jamuan Rasmi Dalam dan Luar Maktab.**
Pakaian seragam atau batik maktab dan berkasut atau sebagaimana yang diluluskan oleh pengurusan maktab.
- 2.11. **Kelas Persediaan.**
- 2.11.1. Baju kurung
 - 2.11.2. Berkasut atau sandal bertali.
 - 2.11.3. Berstokin putih atau hitam melepasi buku lali.
- 2.12. **Hari Cuti.**
Kemas dan Bersih
- 2.13. **Lawatan.**
Seperti ke kelas akademik, baju batik maktab, baju T *outing* rasmi maktab atau sebagaimana yang diluluskan oleh pengurusan maktab.

2.14. Kegiatan Pakaian Seragam.

Pakaian seragam atau yang ditentukan oleh pengurusan maktab.

2.15. Balik Ke Rumah dan Pulang Ke Maktab.

Pakaian seragam maktab, batik maktab atau baju T *outing* rasmi maktab.

2.16. Pakaian Ke Dewan Selera.

2.16.1. Hari Persekolahan.

Pakaian seperti ke kelas persediaan.

2.16.2. Kudapan /Makan Malam /Minum Petang / Hari Cuti.

2.16.2.1. Seperti ke kelas persediaan.

2.16.2.2. Kemeja T putih berkolar atau baju rumah sukan yang berlengan panjang.

2.16.2.3. Selipar Jepun dan kain batik tidak dibenarkan sama sekali.

3. ETIKA BERPAKAIAN SELAIN DARI PERKARA 2.

- 3.1. Baju kemeja potongan bulat (dasar sisi serong) adalah tidak dibenarkan.
- 3.2. Baju T berkolar sahaja dibenarkan.
- 3.3. Pakaian hendaklah menutup aurat, dilihat sopan dan sesuai setiap masa.
- 3.4. Pemakaian kasut tinggi (boot) dan yang seumpama dengannya adalah tidak dibenarkan.
- 3.5. Seluar yang dibenarkan adalah selain dari jeans, denim, PVC, corduroy atau yang ditafsirkan sama dengannya.
- 3.6. Seluar slack potongan jeans juga tidak dibenarkan.

4. PAKAIAN LARANGAN.

Pada bila-bila masa dan di mana juga di dalam kawasan maktab, pelajar dilarang memakai / memiliki / menyimpan pakaian seperti berikut :-

- 4.1. Semua jenis pakaian yang ditafsirkan sebagai mencolok mata atau pakaian yang mendedahkan aurat mengikut tafsiran Islam atau pakaian ketat yang memperlihatkan raut anggota atau tubuh badan pemakaiannya atau pakaian yang ditafsiran sebagai “seksi”, menjolok mata atau bertentangan nilai-nilai budaya dan moral masyarakat kecuali di tempat-tempat tertutup kepada jantina yang berlainan atau dengan kebenaran khas atas sebab-sebab keselamatan.

- 4.2. Baju atau pakaian yang ada gambar orang seperti penyanyi, penghibur, pemimpin, ahli sukan dan sebagainya atau gambar-gambar lucu atau gambar-gambar yang bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya Malaysia dan kepentingan maktab atau negara.
- 4.3. Baju atau pakaian yang bertulis dengan tulisan atau lakaran yang lucu, ganas atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya Malaysia dan kepentingan maktab atau negara.
- 4.4. “Cotton slacks” dan jaket kecuali overall makmal / bengkel ketika melakukan kerja-kerja berkaitan atau jubah untuk mengerjakan “solat” di surau atau di tempat- tempat berkenaan.
- 4.5. Berpakaian separuh bogel (tidak memakai baju, berkemban, memakai tuala mandi sahaja, berkaki ayam tidak memakai alas kaki / kasut) ditegah kecuali dalam bilik mandi / asrama atau tempat-tempat yang dilarang memakai kasut.
- 4.6. Mengenakan sebarang jenis pakaian yang dianggap tidak sesuai / tidak wajar dipakai oleh pelajar MRSM.
- 4.7. Mengenakan pakaian yang kotor, koyak (sengaja/ tidak) atau compang-camping.

5. PAKAIAN LARANGAN KE KELAS PERSEDIAAN.

- 5.1. Lelaki/ perempuan dilarang sama sekali memakai pakaian berikut semasa menghadiri kelas persediaan malam atau siang :-
 - 5.1.1. Selipar Jepun, terompah, topi atau sebarang jenis lilitan kepala kecuali songkok (bukan kopiah dan sebagainya) atau turban kepada pelajar yang beragama Sikh.
 - 5.1.2. Pakaian yang dianggap tidak sesuai dipakai oleh seorang pelajar / penuntut atau tidak sesuai dengan tujuan aktiviti.
 - 5.1.3. Pakaian yang tidak sopan, menjolok mata atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya Melayu / Malaysia / Islam.
 - 5.1.4. Pakaian yang kotor “fizikal” atau “moralnya”.
 - 5.1.5. Tidak memakai kasut atau berkaki ayam.

6. RUPA / PENAMPILAN DIRI PELAJAR LELAKI

6.1. Rambut.

- 6.1.1. Rambut mestilah dipotong pendek dan kemas.
- 6.1.2. Rambut sentiasa pendek dan tidak tebal.
- 6.1.3. Rambut sentiasa bersih dan disikat.
- 6.1.4. Mewarnakan rambut atau membotakkan kepala tidak dibenarkan.

6.1.5. Gaya rambut keterlaluan seperti *punk*, *skinhead* dan lain-lain tidak dibenarkan.

6.1.6. Menyimpan jambul melebihi aras kening dan ekor rambut tidak dibenarkan.

6.2. Misai, Janggut dan Jambang.

6.2.1. Menyimpan misai dan janggut tidak dibenarkan.

6.2.2. Jambang dan ekor pipi yang dibenarkan hanyalah 2 cm sahaja.

6.3. Cermin Mata/Kanta Lepak.

6.3.1. Tidak dibenarkan memakai cermin mata/kanta lekap kecuali atas nasihat doktor.

6.3.2. Cermin mata hendaklah tidak mempunyai bingkai besar atau terlalu kecil.

6.3.3. Cermin mata/kanta lekap berwarna hanya dibenarkan atas nasihat doktor sahaja.

6.3.4. Memakai cermin mata hitam/gelap tidak dibenarkan.

6.4. Kuku.

6.4.1. Menyimpan kuku panjang tidak dibenarkan.

6.4.2. Mewarnakan kuku secara moden atau tradisional tidak dibenarkan.

6.4.3. Kuku hendaklah sentiasa bersih sepanjang masa.

6.5. Pemakaian Aksesori / Barang Kemas

6.5.1. Memakai tangkal, azimat, aksesori dan barang kemas tidak dibenarkan .

6.5.2. Bertindik, bertatu dan berinai tidak dibenarkan.

7. RUPA/PENAMPILAN DIRI PELAJAR PEREMPUAN.

7.1. Rambut.

7.1.1. Rambut hendaklah sentiasa pendek, jika panjang mestilah diikat/didandan dengan riben hitam/putih atau biru (bukan Islam).

7.1.2. Rambut yang berfesyen dan berwarna tidak dibenarkan.

7.1.3. Rambut mestilah kemas dan bersih.

7.2. Muka.

7.2.1. Dilarang bersolek.

7.2.2. Dilarang mencukur bulu kening atau mencabutnya.

7.3. Kuku.

- 7.3.1. Dilarang menyimpan kuku panjang.
- 7.3.2. Dilarang mewarnakan kuku secara moden atau tradisional.
- 7.3.3. Kuku hendaklah sentiasa bersih sepanjang masa.

7.4. Cermin Mata/Kanta.

- 7.4.1. Memakai cermin mata/kanta lekap kecuali atas nasihat doktor.
- 7.4.2. Cermin mata hendaklah tidak mempunyai bingkai besar atau terlalu kecil.
- 7.4.3. Cermin mata/kanta lekap berwarna hanya dibenarkan atas nasihat doktor sahaja.
- 7.4.4. Memakai cermin mata hitam/gelap tidak dibenarkan.

7.5. Pemakaian Aksesori.

- 7.5.1. Memakai tangkal, azimat, aksesori dan barang kemas tidak dibenarkan.
- 7.5.2. Bertindik, bertatu dan berinai tidak dibenarkan.

8. PERATURAN KELAS PERSEDIAAN / *PREPARATION CLASS*

- 8.1. Pelajar wajib hadir waktu kelas persediaan
- 8.2. Waktu kelas persediaan :

Sabtu : 09:00 hingga 11:00 pagi (2 jam)

- 8.3. Kelas persediaan adalah di kelas atau tempat yang telah ditetapkan
- 8.4. Pelajar dilarang mengganggu suasana belajar di kawasan akademik semasa kelas persediaan berjalan
- 8.5. Elakkan pembaziran tenaga elektrik ketika kelas akademik dan kelas persediaan petang di kelas masing-masing. Gunakan lampu dan kipas mengikut bilangan yang berpatutan. Matikan suis elektrik apabila tidak digunakan.
- 8.6. Pelajar dilarang membawa dan mengguna sebarang set permainan, radio dan telefon bimbit, majalah atau bahan-bahan bukan akademik ke kelas persediaan.
- 8.7. Para pelajar tidak dibenarkan berada di kawasan asrama pada waktu kelas persediaan.
- 8.8. Aktiviti-aktiviti seperti jamuan, mesyuarat dan sebarang jenis perjumpaan tidak dibenarkan

diadakan pada waktu kelas persediaan kecuali mendapat kebenaran daripada Pengetua/Timbangan Pengetua.

- 8.9. Para pelajar yang sakit hendaklah berada di Bilik Sakit dengan kebenaran bertulis daripada Pengetua/Timbangan Pengetua/Ketua Guru Asrama.
- 8.10 Pada waktu persediaan malam, pelajar tidak dibenarkan berada di kawasan akademik kecuali dengan kebenaran Pengetua/Timbangan Pengetua.

9. PERATURAN KELUAR KE BANDAR.

9.1. Jadual keluar ke bandar Hujung Minggu / Cuti Am.

9.1.1. Keluar secara giliran (lelaki/perempuan) :

Sabtu : 10:30 hingga 18:00 (7 jam dan 30 minit)

9.1.2. Keluar bersama ibubapa / penjaga :

Sabtu : 10:30 hingga 18:00 (7 jam dan 30 minit)

9.1.3. Pada hari Cuti Am :

9.1.3.1. Dengan kebenaran bertulis daripada Pengetua, Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar atau Ketua Guru Asrama.

9.1.3.2. Waktu keluar adalah seperti pada hari Sabtu.

9.2. Keluar ke bandar pada hari-hari persekolahan.

9.2.1. Kebenaran bertulis daripada Pengetua atau Timbalan Pengetua Kecemerlangan Akademik semasa waktu pejabat.

9.2.2. Kebenaran bertulis daripada Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar atau Ketua Guru Asrama atau Guru Asrama bertugas di luar waktu pejabat.

9.2.3. Dalam kedua-dua perkara di atas pelajar hendaklah berurusan dengan Ketua Guru Asrama / Guru Asrama bertugas untuk tujuan mendapatkan tanda tangan pada Kad Keluar Kampus pelajar.

9.3. **Keluar Ke Bandar pada waktu-waktu lain.**

9.3.1. Pelajar-pelajar mesti mendapatkan kelulusan bertulis daripada Pengetua / Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar.

9.3.2. Pelajar hanya dibenarkan keluar dengan waris sendiri sahaja. Tidak dibenarkan menumpang waris rakan lain.

9.4. **Tatacara Keluar Ke Bandar.**

9.4.1. Para pelajar hendaklah mematuhi giliran keluar ke bandar sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbiran asrama.

9.4.2. Kad kebenaran Keluar Kampus hendaklah dipenuhi dengan lengkap dan ditandatangani oleh guru asrama sebelum diserahkan di pondok pengawal.

9.4.3. Para pelajar hendaklah berpakaian seragam atau berbaju batik maktab atau kemeja "T" maktab (berkolar) serta berkasut seperti yang dikehendaki dalam peraturan berpakaian pelajar. Para pelajar dikehendaki keluar dalam kumpulan berdua atau lebih dan daripada jantina yang sama.

9.4.4. Pelajar dilarang mengunjungi tempat-tempat seperti di bawah:

9.4.4.1. Pusat-pusat permainan hiburan yang memiliki alat permainan "Billiard", mesin "Pin-Ball", "Video Games", Snooker dan seumpamanya.

9.4.4.2. Semua tempat permainan "Bowling".

9.4.4.3. Semua kelab malam, bar, disko, pusat karaoke dan seumpamanya.

9.4.4.4. Semua tempat pelacuran atau pusat-pusat kesihatan yang bertujuan seumpamanya.

9.4.5. Pelajar-pelajar mestilah menunjukkan kelakuan yang baik semasa berada di luar kawasan maktab untuk menjamin keselamatan diri sendiri dan menjaga nama maktab.

10. **PERATURAN BALIK BERMALAM**

10.1. Pelajar-pelajar dibenarkan balik mengikut jadual yang telah disediakan kecuali bagi kes-kes kecemasan.

10.2. Bagi pelajar-pelajar yang ingin bermalam di rumah atau bersama keluarga, ibu bapa bolehlah datang menjemput pelajar dengan surat kebenaran selepas aktiviti pelajar berakhir. Waktu dan hari yang ditetapkan adalah Khamis jam 3.00 petang. Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada makluman rasmi pihak pentadbiran.

10.3. Pelajar-pelajar yang pulang ke kampung bersendirian atas permintaan ibu bapa atau penjaga, pihak ibu bapa atau penjaga akan bertanggungjawab ke atas keselamatan pelajar semasa di dalam perjalanan.

- 10.4. Pelajar mesti mengimbas Kad Matrik /jari di pondok pengawal atau bilik gerakan warden selepas mendapat kelulusan dari Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar/ Ketua Guru Asrama / Guru Asrama.
- 10.5. Urusan Kecemasan Keluarga. Pelajar-pelajar mestilah:
 - 10.5.1. Mendapat kebenaran Pengetua / Timbalan Pengetua / Ketua Guru Asrama.
 - 10.5.2. Menyimpan dokumen / Surat Kehadiran Keluarga yang menjemput pelajar serta mengisi Borang Pulang Bermalam.
- 10.6. Pelajar mesti pulang ke maktab pada atau sebelum jam 6.00 petang pada hari terakhir cuti.
- 10.7. Ibubapa / penjaga / wakil hendaklah datang mengambil pelajar di Maktab, pelajar tidak dibenarkan balik sendiri kecuali langkah-langkah keselamatan telah disempurnakan dan mendapat keizinan daripada ibubapa/penjaga.

11. PERATURAN DAN TATATERTIB DI ASRAMA

11.1. Penempatan Pelajar

- 11.1.1. Para pelajar yang telah ditempatkan di tempat yang disediakan pada hari pendaftaran tidak dibenarkan berpindah ke tempat lain tanpa kebenaran Ketua Guru Asrama.
- 11.1.2. Semasa penyerahan alatan kepada pelajar pada hari pendaftaran, setiap alatan tersebut hendaklah diperiksa dan ditanda dalam senarai Borang Penyerahan Alatan oleh pelajar. Sebarang kerosakan pada alatan tersebut setelah pemeriksaan semula akan dibiayai kosnya oleh pelajar.
- 11.1.3. Segala kerosakan asrama dan alat kelengkapan lain yang disebabkan oleh pelajar akan dikenakan bayaran gantirugi. Jika tidak diketahui pelajar yang merosakkannya, semua pelajar di dalam asrama berkenaan mesti bertanggungjawab menggantikannya atau membayar ganti rugi.

11.2. Kebersihan Bilik Dan Pemeriksaan Harian Asrama.

- 11.2.1. Pemeriksaan harian asrama oleh BKP/Guru Asrama / Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar akan dijalankan setiap hari sebelum kelas dimulakan.
- 11.2.2. Bilik mestilah kemas dan sentiasa bersih.
- 11.2.3. “Locker tag” mesti dilekatkan pada “locker”.
- 11.2.4. Barang-barang seperti buku dan alatan lain hendaklah disusun dengan kemas.
- 11.2.5. Sampah sarap dibuang di tempat yang disediakan.

- 11.2.6. Gambar dan poster yang dibenarkan oleh pihak Maktab sahaja boleh ditampal di dinding dengan menggunakan “blue tack”.
- 11.2.7. Cadar dan sarung bantal maktab hendaklah sentiasa dipasang dengan kemas.
- 11.2.8. Selimut hendaklah dilipat dan diletakkan di hujung katil.
- 11.2.9. Pakaian kering hendaklah dilipat dengan kemas dan disimpan dalam almari.
- 11.2.10. Pakaian dan tuala yang basah hendaklah disidai di ampaian yang disediakan di luar asrama.
- 11.2.11. Barang-barang seperti beg, kotak kasut tidak dibenarkan diletakkan di atas loker.
- 11.2.12. Dilarang meletak buku, kain basahan dan baju di tingkap-tingkap asrama pada sebarang waktu.
- 11.2.13. Kasut hendaklah disimpan di tempat-tempat yang disediakan.
- 11.2.14. Pakaian yang disidai di ampaian mestilah diangkat setelah kering. Pakaian yang terbiar atau tidak diambil akan dibuang.
- 11.2.15. Cadar yang digunakan mestilah cadar yang mempunyai cetakan MRSM MUAR

11.3. Pemeriksaan Mingguan Asrama Dan Rupa Diri Pelajar.

- 11.3.1. Pemeriksaan mingguan asrama dan rupa diri pelajar dijalankan mengikut ketentuan berikut :

Jumaat : 08.1– 10.00 pagi.

- 11.3.1.1. Pelajar mesti berpakaian formal / *smart casual* dan bersedia untuk pemeriksaan rupa diri.
- 11.3.1.2. Pelajar mesti memastikan bilik / asrama dalam keadaan bersedia untuk diperiksa.
- 11.3.1.3. Perkara yang perlu dipamerkan di atas katil adalah :
 - 11.3.1.3.1. Kad matrik
 - 11.3.1.3.2. Songkok (pelajar lelaki)
 - 11.3.1.3.3. Samping (pelajar lelaki)

12. Peraturan Am Penginapan Pelajar

- 12.1. Pada hari persekolahan, semua pelajar hendaklah berada di dataran Dato’ Onn selewat-lewatnya jam 07.00 pagi.
- 12.2. Pelajar tidak dibenarkan pulang ke asrama pada waktu akademik termasuk waktu rehat.

- 12.3. Pelajar hendaklah menyusun dan mengemas bilik dan tempat tidur sebelum keluar dari asrama pada setiap masa.
- 12.4. Para pelajar hendaklah bekerjasama menjaga kebersihan tempat tinggal, bilik tidur, surau, bilik air dan kawasan persekitaran asrama. Sampah sarap hendaklah dibuang ke dalam bekas sampah yang disediakan.
- 12.5. Para pelajar dilarang sama sekali membawa balik ke asrama makanan atau peralatan dapur. Hanya makanan kering sahaja dibenarkan dibawa balik ke asrama.
- 12.6. Para pelajar tidak dibenarkan menyimpan atau memiliki barang-barang berbahaya seperti pisau, cangkul, racun, asid, mancis, pemetik api dan sebagainya di asrama.
- 12.7. Barang berharga seperti emas, permata dan seumpamanya tidak dibenarkan.
- 12.8. Pelajar-pelajar diharamkan memiliki atau menyimpan atau mengedar rokok atau merokok. Pelajar juga diharamkan memiliki / menyalahgunakan dadah serta meyimpan / meminum minuman keras.
- 12.9. Sebarang bahan lucah diharamkan dibawa ke asrama / maktab.
- 12.10. Pelajar lelaki tidak dibenarkan ke kawasan asrama perempuan atau sebaliknya.
- 12.11. Pelajar tidak dibenarkan membuat bising yang keterlaluan di dalam asrama.
- 12.12. *Dorm Captain* hendaklah memastikan semua suis elektrik seperti lampu dan kipas dimatikan sebelum meninggalkan asrama.
- 12.13. Para pelajar yang sakit mestilah berehat di Bilik Sakit dan tidak dibenarkan berada di asrama sehingga dibenarkan oleh Pengetua / Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar / Ketua Guru Asrama / Guru asrama.
- 12.14. Semasa cuti semester / tamat pengajian, semua almari dan bilik asrama hendaklah dikosongkan, dibersihkan dan jangan dikunci.
- 12.15. Jimatkan penggunaan air di asrama. Paip-paip air hendaklah ditutup selepas digunakan.
- 12.16. Semua pelajar mesti berada di asrama masing-masing pada pukul 11.30 malam sehingga waktu subuh.
- 12.17. Para pelajar hendaklah sentiasa menghormati pekerja-pekerja di asrama.
- 12.18. Susunan alat kelengkapan seperti katil, tilam, almari dan alatan lain tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pengetua, Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar, Ketua Guru Asrama dan Guru Asrama di blok masing-masing.

13. Peraturan Keselamatan Penggunaan Peralatan Elektrik Di Asrama.

- 13.1. Sambungan elektrik secara haram adalah dilarang.
- 13.2. Pastikan semua suis dimatikan dan tanggalkan palam dari soket setelah digunakan.
- 13.3. Jangan menggunakan sebarang peralatan elektrik semasa kilat.
- 13.4. Seterika elektrik boleh digunakan di bilik yang dikhaskan sahaja.
- 13.5. Setiap peralatan elektrik yang hendak digunakan di asrama hendaklah didaftarkan terlebih dahulu. Dapatkan borang pendaftaran elektrik dari Bilik Gerakan Guru Asrama dan Pejabat Pengurusan Asrama. Peralatan yang tidak didaftarkan akan dirampas.
- 13.6. Jangan sekali-kali menggunakan alat elektrik yang telah rosak.
- 13.7. Peralatan elektrik hanya boleh digunakan tanpa menggunakan tenaga elektrik maktab kecuali komputer atau barangan elektrik yang mendapat kebenaran pengurusan maktab sahaja .
- 13.8. Kegagalan anda mematuhi syarat-syarat di atas akan mengakibatkan peralatan elektrik anda akan dirampas oleh pihak maktab.
- 13.9. Sebarang kerosakan berkaitan dengan elektrik hendaklah dilaporkan segera kepada guru asrama atau penyelia asrama. Jangan cuba membaiki sendiri.
- 13.10. Jangan menyentuh sebarang alat elektrik yang sedang digunakan jika tangan anda basah.

14. Peraturan Keselamatan Diri / Harta Benda semasa Kebakaran

- 14.1. Apabila anda mendengar isyarat berlaku kebakaran atau terhidu bau asap, perkara pertama yang mesti dilakukan ialah menyelamatkan nyawa anda dan rakan anda.
- 14.2. Segera memberi amaran kepada rakan asrama. Menjerit sekuat mungkin perkataan Api... Api...Api...
- 14.3. Sila hubungi bomba.
- 14.4. Selamatkan barang-barang berharga kepunyaan anda seperti kad pengenalan, sijil-sijil penting buku-buku dan wang jika anda berupaya membawanya dengan mudah. Jika kebakaran sudah marak, lupakan barang-barang tadi. Anda perlu menyelamatkan nyawa anda dahulu.

- 14.5. Jika mengetahui ada rakan anda tidak berupaya untuk bergerak keluar dari asrama disebabkan pengsan, cedera, dan sebagainya, bantulah beramai-ramai dengan membawanya keluar.
- 14.6. Keluarlah dari asrama secepat mungkin melalui pintu yang berhampiran dengan anda (seperti dalam pelan setiap asrama).
- 14.7. Bergeraklah dengan pantas tetapi teratur meninggalkan asrama menuju ke kawasan yang telah ditetapkan untuk berkumpul.

15. Keselamatan wang Di Asrama

15.1. Wang Tunai.

15.1.1. Pelajar tidak dibenarkan menyimpan sendiri (wang tunai) lebih dari RM20.00

15.1.2. Wang tunai yang berlebihan mesti disimpan dalam bank atau dengan penasihat homeroom yang berkenaan.

15.2. Kad ATM.

15.2.1. Semua kad ATM mesti disimpan di tempat yang selamat.

15.2.2. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk melaporkan kehilangan kad ATM dengan kadar segera kepada penasihat Homeroom atau Guru Asrama.

16. Keselamatan Umum.

16.1. Setiap penghuni asrama mesti melalui “fire drill” sekurang-kurangnya sekali setahun.

16.2. Penggunaan lingkaran ubat nyamuk, pelita dan lilin tidak dibenarkan.

16.3. Setiap penghuni asrama seharusnya tahu menggunakan alat pemadam api.

16.4. Jika berlaku kecemasan sila hubungi Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar / Ketua Guru Asrama/ Guru Asrama / Pengawal Keselamatan dengan segera.

16.5. Kemudahan “first-aid” boleh didapati daripada Guru Asrama/ Bilik Rawatan / Bilik Gerakan Guru Asrama / Ketua Guru Asrama / Pondok Pengawal.

17. Ruang Rekreasi / Ruang Bacaan

17.1. Penggunaan TV. Jadual menonton TV adalah seperti berikut :

Khamis	: Jam 0900 pm hingga 1030 pm
Jumaat	: Jam 1030 am hingga 1200 pm Jam 0230 pm hingga 0430 pm Jam 0900 pm hingga 1030 pm
Sabtu	: Jam 1030 am hingga 1630 pm
Cuti Am	: Jam 0900 am hingga 1630 pm

*** Jadual ini tertakluk kepada pindaan.*

18. Bilik Utiliti

- 18.1. Penggunaan alatan elektrik seperti seterika dan mesin penapis air sahaja dibenarkan.
- 18.2. Kebersihan bilik ini adalah tanggungjawab pelajar bersama.
- 18.3. Suis alatan elektrik mesti ditutup dan ditanggalkan palam dari soket selepas digunakan.
- 18.4. Alatan tersebut hendaklah sentiasa berada di bilik utiliti dan menjadi satu kesalahan mana-mana pelajar yang cuba meletakkan/menggunakan alatan ini di bilik penempatan.

19. Bilik Kosong.

- 19.1. Para pelajar dilarang menggunakan bilik yang tidak berpenghuni.
- 19.2. Setiap peralatan di bilik ini jika berlaku kerosakan adalah tanggungjawab semua pelajar.
- 19.3. Almari, katil serta tilam hendaklah dikeluarkan.
- 19.4. Para pelajar dilarang menyidai sebarang pakaian kering / basah di dalam bilik kosong.
- 19.5. Kebersihan bilik hendaklah dijaga bersama oleh pelajar.

20. Peraturan Penguncian Pintu Di Asrama.

- 20.1. Penguncian pintu bilik / pagar asrama adalah di bawah kawal selia Guru Asrama/DC.
- 20.2. Para pelajar dilarang sama sekali merosakkan pintu bilik /pagar asrama.

21. Bilik Sakit.

- 21.1. Pelajar yang sakit hendaklah melapor diri kepada Guru Asrama atau Penyelia Asrama dan mengambil surat kebenaran untuk ke hospital.
- 21.2. Pelajar yang sakit tidak dibenarkan berada di asrama pada waktu-waktu persekolahan kecuali dengan kebenaran bertulis dari Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar.
- 21.3. Pelajar yang hendak keluar dari bilik sakit wajib memberitahu Penyelia Asrama jika waktu persekolahan dan kepada Guru Asrama jika selepas waktu persekolahan.
- 21.4. Kebersihan dan kekemasan Bilik Sakit hendaklah sentiasa dijaga.
- 21.5. Jangkamasa tinggal di Bilik Sakit tertakluk kepada keperluan dan jenis penyakit.
- 21.6. Pelajar yang mendapat kebenaran bertulis daripada Pengetua dan Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar untuk berehat di Bilik Sakit akan dikecualikan daripada menghadiri kelas formal.
- 21.7. Penyakit berjangkit :
 - 21.7.1. Pelajar berkenaan dibenarkan pulang ke rumah setelah mendapat pengesahan dan rawatan daripada doktor atau mendapat kebenaran Pengetua / Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar atau Ketua Guru Asrama.
- 21.8. Waktu penggunaan Bilik Sakit pada hari persekolahan adalah jam 08.00 pagi hingga 04.30 petang.
(Selepas jam 1630 hendaklah mendapat kelulusan Ketua Guru Asrama / Guru Asrama)
- 21.9. Pelajar tidak dibenarkan berada di Bilik Sakit selepas jam 11.00 malam.
- 21.10. Jadual kenderaan (van) ke hospital pada hari persekolahan :

Ahad – Rabu	: Jam 08.30 pagi dan 02.30 petang
Khamis	: Jam 08.30 pagi
- 21.11. Pelajar yang dimasukkan ke wad adalah tertakluk kepada arahan dari pihak hospital dan ibubapa/waris akan dimaklumkan dengan kadar segera oleh pihak maktab.

22. Tatatertib Di Dewan Selera.

- 22.1. Beratur semasa mengambil makanan. Dilarang memotong barisan.
- 22.2. Sistem tempahan (booking) tidak dibenarkan.
- 22.3. Sentiasa menjaga kebersihan Dewan Selera. Sisa-sisa makanan hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
- 22.4. Kerusi hendaklah disusun semula selepas digunakan.
- 22.5. Pakaian di Dewan Selera mestilah mengikut seperti yang ditetapkan dalam peraturan berpakaian.
- 22.6. Pelajar-pelajar dilarang membawa keluar makanan, barang-barang atau alatan dari dewan Selera.
- 22.7. Tidak dibenarkan masuk ke dapur atau kawasan dalam kaunter agihan makanan.
- 22.8. Pelajar mesti mematuhi waktu makan seperti dalam jadual harian / mingguan kehidupan asrama.

23. Keluar Untuk Solat Jumaat.

- 23.1. Pelajar hendaklah menjaga tertib dan adab sepanjang waktu pelaksanaan solat Jumaat.
- 23.2. Pelajar hendaklah mematuhi masa pergi dan balik yang telah ditetapkan.
- 23.3. Pelajar hendaklah pulang ke maktab setelah doa selesai dibacakan.
- 23.4. Pelajar hendaklah mematuhi peraturan pakaian solat Jumaat.
- 23.5. Pelajar tidak dibenarkan keluar dari kawasan masjid.

24. PERATURAN TAMBAHAN (Untuk pelajar-pelajar bukan Islam).

- 24.1. Segala jenis aktiviti keagamaan tidak dibenarkan di kawasan maktab.
- 24.2. Segala bentuk lambang keagamaan tidak dibenarkan dipamerkan di kawasan maktab.
- 24.3. Segala bentuk tingkah laku dan percakapan yang boleh menyinggung sensitiviti agama, bangsa dan kaum adalah dilarang sama sekali di maktab.
- 24.4. Segala jenis makanan yang tidak halal tidak dibenarkan dibawa ke maktab.
- 24.5. Sebarang amalan keagamaan pada hujung minggu yang boleh menghalang pelajar daripada menyertai aktiviti maktab adalah tidak dibenarkan.
- 24.6. Pelajar bukan Islam boleh menghadiri upacara keagamaan di luar maktab, tetapi pihak maktab tidak bertanggungjawab menyediakan kemudahan seperti pengangkutan dan sebagainya.

25. JADUAL HARIAN.

25.1 Hari Persekolahan Ahad.

<u>Masa</u>	<u>Aktiviti</u>
05.30 – 06.30	Bangun pagi dan Solat Subuh Berjemaah
06.30 – 07.00	Sarapan Pagi
07.00 – 07.30	Perhimpunan Pagi di Dataran Dewan Dato' Onn
07.30 – 02.30	Kelas Akademik
10.00 – 10.30	Minum Pagi (Men. Rendah)
10.30 – 11.00	Minum Pagi (Men. Atas)
01.30 – 02.30	Makan Tengahari /Solat Zohor Berjemaah (Men. Rendah)
02.30 – 03.30	Makan Tengahari / Solat Zohor Berjemaah (Men. Atas)
02.30 – 03.30	Kelas Persediaan Petang (Men. Rendah)
03.30 – 04.30	Perhimpunan / Kelas Persediaan Petang
04.30 – 05.00	Solat Asar Berjemaah
05.00 – 06.00	Riadah
06.00 – 07.00	Pentadbiran Diri / Makan Malam
07.00 – 09.00	Solat Maghrib / Aktiviti Kerohanian/ Solat Isyak Berjemaah
09.00 – 10.30	Kelas Persediaan Malam
10.30 – 11.00	Minum Malam.
11.00 – 11.30	Pentadbiran Diri / <i>Roll Call</i> Malam & Bacaan Surah Al-Mulk.
11.30 – 05.30	<i>Light Off</i> / Tidur.

25.2 Hari Persekolahan Isnin, Selasa dan Rabu.

<u>Masa</u>	<u>Aktiviti</u>
05.30 – 06.30	Bangun pagi dan Solat Subuh Berjemaah
06.30 – 07.00	Sarapan Pagi
07.00 – 07.30	Perhimpunan Pagi di Dataran Dewan Dato' Onn
07.30 – 02.30	Kelas Akademik
10.00 – 10.30	Minum Pagi (Men. Rendah)
10.30 – 11.00	Minum Pagi (Men. Atas)
01.30 – 02.30	Makan Tengahari /Solat Zohor Berjemaah (Men. Rendah)
02.30 – 03.30	Makan Tengahari / Solat Zohor Berjemaah (Men. Atas)
02.30 – 03.30	Kelas Persediaan Petang (Men. Rendah)
03.30 – 05.00	Kelab / Persatuan (Isnin), Sukan dan Permainan (Selasa), Unit Beruniform (Rabu)
05.00 – 05.15	Solat Asar Berjemaah
05.15 – 06.00	Riadah
06.00 – 07.00	Pentadbiran Diri / Makan Malam
07.00 – 09.00	Solat Maghrib / Aktiviti Kerohanian/ Solat Isyak Berjemaah
09.00 – 10.30	Kelas Persediaan Malam
10.30 – 11.00	Minum Malam.
11.00 – 11.30	Pentadbiran Diri / <i>Roll Call</i> Malam & Bacaan Surah Al-Mulk.
11.30 – 05.30	<i>Light Off</i> / Tidur.

25.3 Hari Persekolahan Khamis.

<u>Masa</u>	<u>Aktiviti</u>
05.30 – 06.30	Bangun pagi dan Solat Subuh Berjemaah
06.30 – 07.00	Sarapan Pagi
07.00 – 07.30	Perhimpunan Pagi di Dataran Dewan Dato' Onn
07.30 – 02.30	Kelas Akademik
10.30 – 11.00	Minum Pagi
11.00 – 11.30	Pertemuan Homeroom
01.30 – 02.30	Makan Tengahari /Solat Zohor Berjemaah (Men. Rendah)
02.30 – 03.30	Makan Tengahari / Solat Zohor Berjemaah (Men. Atas)
02.30 – 04.30	Kelas Persediaan Petang/ PGG/ Intervensi
04.30 – 05.00	Solat Asar Berjemaah
05.00 – 06.00	Riadah
06.00 – 07.00	Pentadbiran Diri / Makan Malam
07.00 – 09.00	Solat Maghrib / Aktiviti Kerohanian/ Solat Isyak Berjemaah
09.00 – 10.30	Aktiviti Bebas
10.30 – 11.00	Minum Malam.
11.0 – 11.30	Pentadbiran Diri / <i>Roll Call</i> Malam & Bacaan Surah Al-Mulk.
11.30 – 05.30	<i>Light Off</i> / Tidur

25.4 Hari Jumaat

<u>Masa</u>	<u>Aktiviti</u>
05.30 – 07.00	Bangun pagi dan Solat Subuh Berjemaah/ Aktiviti Kerohanian
07.00 – 07.30	Sarapan Pagi
07.30 – 08.15	Gotong-Royong Bilik dan Asrama
08.15 – 10.00	<i>Inspection</i> Asrama
10.00 – 10.30	Minum Pagi
10.30 – 12.00	PGG (ting. 3 dan 5)/ Aktiviti Bebas
12.30 – 03.00	Solat Jumaat / Fardhu Ain / Makan Tengahari
03.00 – 04.30	Aktiviti Bebas
04.30 – 05.00	Solat Asar Berjemaah
05.00 – 06.00	Sukan / Riadhah
06.00 – 07.00	Pentadbiran Diri / Makan Malam
07.00 – 09.00	Solat Maghrib / Aktiviti Kerohanian/ Solat Isyak Berjemaah
09.00 – 10.30	Aktiviti Bebas
10.30 – 11.00	Minum Malam
11.00 – 11.30	Pentadbiran Diri / <i>Roll Call</i> Malam & Bacaan Surah Al-Mulk
11.30	– 05.30 <i>Light Off</i> / Tidur

25.5 Hari Sabtu


<u>Masa</u>	<u>Aktiviti</u>
05.30 – 07.00	Bangun pagi dan Solat Subuh Berjemaah/ Aktiviti Kerohanian
07.00 – 08.00	Sarapan Pagi/ Pentadbiran Diri
08.00 – 10.00	PGG (ting. 3 dan 5)/ Kelas Persediaan Pagi (ting. 1,2 dan 4)
10.00 – 10.30	Minum pagi
10.30 – 12.30	PGG PGG (ting. 3 dan 5)/ Aktiviti Bebas / Pentadbiran Diri / Lawatan Ibumama/ Keluar Ke Bandar (<i>Outing</i>)
12.30 – 02.00	Makan Tengahari / Solat Zohor Berjemaah / Lawatan Ibumama/ Keluar Ke Bandar (<i>Outing</i>)

02.00 – 06.00	Lawatan Ibubapa / Pentadbiran Diri/ Keluar Ke Bandar (<i>Outing</i>)
04.30 – 05.00	Solat Asar Berjemaah
05.00 – 06.00	Riadah
06.00 – 07.00	Pentadbiran Diri / Makan Malam
07.00 – 09.00	Solat Maghrib / Aktiviti Kerohanian/ Solat Isyak Berjemaah
09.00 – 10.30	Kelas Persediaan Malam
10.30 – 11.00	Minum Malam.
11.00 – 11.30	Pentadbiran Diri / <i>Roll Call</i> Malam & Bacaan Surah Al-Mulk
11.30	– 05.30 <i>Light Off</i> / Tidur.

25.6 Cuti Am.

<u>Masa</u>	<u>Aktiviti</u>
05.30 – 07.00	Bangun pagi dan Solat Subuh Berjemaah/ Aktiviti Kerohanian
07.00 – 08.00	Sarapan Pagi/ Pentadbiran Diri
08.00 – 10.00	Aktiviti Bebas
10.00 – 10.30	Minum pagi
10.30 – 12.30	Aktiviti Bebas / Pentadbiran Diri
12.30 – 02.00	Makan Tengahari / Solat Zohor Berjemaah
02.00 – 06.00	Pentadbiran Diri
04.30 – 05.00	Solat Asar Berjemaah
05.00 – 06.00	Riadah
06.00 – 07.00	Pentadbiran Diri / Makan Malam
07.00 – 09.00	Solat Maghrib / Aktiviti Kerohanian/ Solat Isyak Berjemaah
09.00 – 10.30	Kelas Persediaan Malam
10.30 – 11.00	Minum Malam
11.00 – 11.30	Pentadbiran Diri / <i>Roll Call</i> Malam & Bacaan Surah Al-Mulk
11.30 – 05.30	<i>Light Off</i> / Tidur

26. PROSEDUR PULANG BERMALAM.



- # Ibu bapa/ Penjaga perlu mematuhi jadual giliran pulang bermalam dan masa sampai di Maktab.
- # Ibu bapa/ Penjaga perlu mengisi dan melengkapkan permohonan pulang bermalam di Aplikasi ASIS sekurang-kurangnya **TIGA (3)** hari sebelum tarikh pulang bermalam.
- # Mempertimbangkan kelulusan permohonan PB.
- # Pelajar perlu mengimbas kad matrik ATAU 'thumb out' (imbas jari) di Bilik Gerakan Guru Asrama atau Pondok Pengawal untuk keluar dari maktab
- # Pelajar perlu mengimbas kad matrik ATAU 'thumb in' (imbas jari) di Bilik Gerakan Guru Asrama atau Pondok Pengawal semasa kembali ke maktab
- # Memastikan pemakaian pelajar PB mematuhi tatacara pemakaian yang dibenarkan.
- # Menyenaraihitamkan pelajar yang balik pada atau selepas pukul 6 petang ke maktab.
- # Memastikan pelajar mengimbas kad matrik ATAU 'thumb out' (imbas jari) semasa keluar maktab/ 'thumb in' (imbas jari) semasa masuk maktab.
- # Memastikan selepas pukul 6 petang pintu pagar ditutup dan ibu bapa/penjaga tidak dibenar menghantar ke asrama.